

# Institut Pemikiran Dr. Mahathir perlu bebas

JM 23 JUN 2003

KUALA LUMPUR 22 Jun — Institut Pemikiran Dr. Mahathir perlu ditubuhkan sebagai satu institusi bebas sebagai penghormatan kepada jasa dan pengorbanan pemimpin negara itu.

Pengarah Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda berkata, dengan itu ia bukan sahaja dapat mengetengahkan isu-isu pengajian dan kajian mengenai Malaysia tetapi juga dunia.

Beliau bagaimanapun berkata, penggunaan nama Institut Dr. Mahathir lebih sesuai kerana ia bukan sahaja tertumpu kepada pemikiran tetapi juga melibatkan kajian terhadap dasar-dasar dan pendekatan yang diketengahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Jika kita gunakan pemikiran ia nampak terhad.

“Institut Dr. Mahathir lebih baik kerana tumpuannya lebih luas bukan sahaja kepada pemikiran tetapi apa juga yang telah dicapai oleh Malaysia sebagai sebuah negara Islam moden,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr. Mahathir sebagai tanda penghargaan negara dan rakyat atas jasa, sumbangan serta perkhidmatan beliau kepada negara.

Kata Abdul Razak, institusi mengenai pemikiran biasanya dikaitkan dengan pengembangan ideologi seperti Karl Marx dan Lenin yang mana kajian dan perbincangan tertumpu kepada idea-idea yang diketengahkan oleh mereka sahaja.

Sebab itu katanya, penggunaan nama Institut Dr. Mahathir lebih sesuai daripada Institut Pemikiran Dr. Mahathir kerana ia boleh

memberi tumpuan kepada apa sahaja isu yang berbangkit sama ada ekonomi atau politik termasuk di peringkat antarabangsa.

Dengan itu katanya, ia akan lebih dihormati di samping dapat mempromosikan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju.

Abdul Razak berkata, terdapat beberapa institusi di luar negara yang ditubuhkan bagi mengenang jasa pemimpin mereka seperti Carter Centre yang berpangkalan di Atlanta, Amerika Syarikat yang ditubuhkan oleh bekas Presiden negara itu, Jimmy Carter.

Di Russia pula kata beliau, ada Yayasan Gorbachev sebagai penghormatan kepada bekas presiden itu.

Katanya, walaupun Institut Dr. Mahathir boleh diwujudkan di bawah nentadbiran institusi pengajian tinggi awam tempatan, beliau bimbang ia tidak berfungsi seperti yang diharapkan kerana universiti-universiti tempatan mempunyai banyak jabatan lain yang perlu diuruskan.

“Lagi pula Dr. Mahathir bukan asing kepada kita, lebih baik tubuh institusi berasingan yang beroperasi secara sendiri,” katanya.

Apa yang penting kata beliau, sebelum ia ditubuhkan kerajaan perlu mengenal pasti konsep dan objektif penubuhannya.

Pada masa yang sama kata beliau, perlu dinastikan individu dan intelektual yang berwibawa dan benar-benar komited untuk menguruskan institusi itu supaya ia mencerminkan aspirasi penubuhannya iaitu mengiktiraf jasa Dr. Mahathir kepada negara.

Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan juga kata Abdul Razak perlu disusun dan dirancang supaya ia menjadi satu institusi yang dihormati bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia.